

# Media rakan bimbing rakyat

Berperanan jayakan gagasan 1Malaysia: PM

*Harian metro 20/05/2010 M/S 24*

>>Oleh Maialalina  
Mohamed Amin

maialalina@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: "Saya mahu anda menjadi rakan kongsi dalam perjalanan untuk 'transform' Malaysia," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kepada semua pengamal media di negara ini.

Pelawaan itu dibuat beliau kerana berasakan media perlu berperanan membantu kerajaan mendidik masyarakat ke arah merealisasikan gagasan 1Malaysia.

Katanya, kerjasama antara kerajaan dan media mampu mewujudkan suasana baru dalam negara apabila lebih banyak isu ke arah membimbing rakyat ditonjolkan berbanding sensasi.

"Bukan bermakna berita sensasi jangan dilaporkan cuma media jangan lupa terhadap tanggungjawab sosial mendidik masyarakat kita menjadi satu komuniti yang harmoni sekali gus bersatu menjadi gagasan 1Malaysia.

"Bagi saya, wujud hubungan simbiotik antara media dan kerajaan yang dilihat begitu kritikal untuk pembangunan masa depan negara, jadi media perlu melaporkan agenda kerajaan.

"Ini sebagaimana kerajaan memerlukan media untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat," katanya ketika merasmikan Malam Anugerah Kelab Wartawan Kebangsaan (NPC)-Naza, di sini, malam tadi.

Hadir sama isterinya, Da-



**TAHNIAH...Lat (kanan) menerima Anugerah NPC-Tan Sri SM Nasimuddin 1Malaysian Of The Year daripada Najib sambil diperhatikan SM Nasaruddin (dua dari kiri) dan Ahirudin, semalam.**

tin Seri Rosmah Mansor; Presiden NPC, Datuk Ahirudin Attan; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Naza, SM Nasaruddin SM Nasimuddin dan Pengarah Eksekutif Editorial The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) yang juga Pengarah Eksekutif, Berita dan Operasi Editorial Media Prima Berhad, Datuk Ahmad A Talib.

Turut hadir, Pengarang Kumpulan Harian Metro/Metro Ahad (HM/MA), Datuk Mustapa Omar; Pengarang Eksekutif (Pengekluaran) HM/MA, Ahmad Salim Bachok; Pengarang Berita New Media Harian Metro, Mohamad Ramzi Mohamed Sanny dan Pengarang Rencana Metro Ahad, Adam Salleh.

Najib berkata, beliau per-

caya peranan wartawan meluas bukan sekadar pelaporan berita semata-mata sebaliknya, tugas sosial untuk membimbing masyarakat.

"Sebagai contoh, media perlu menjelaskan kepada masyarakat mengenai kira-kira RM73 billion subsidi yang terpaksa diperuntukkan kerajaan setiap tahun supaya mereka lebih memahami kekangan semasa.

"Jadi kita kena bersama dalam perjalanan ini, iaitu perjalanan memtransformasikan Malaysia, supaya kita dapat membangunkan negara menjadi lebih utuh dan maju," katanya.

Mengenai dakwaan mengatakan tiada kebebasan dalam media, beliau menafikannya malah menjelaskan pembangkang masih diberi liputan baik dalam media.

Sementara itu, Najib menyampaikan enam anugerah kepada mereka yang layak termasuk Anugerah NPC-Tan Sri SM Nasimuddin 1Malaysian Of The Year yang dimenangi Datuk Mohd Nor Khalid atau dikenali sebagai Lat, Anugerah NPC-AmBank Lagenda Media kepada Allahyarham Tan Sri Abdul Samad, dan NPC-Wartawan Scomi untuk P Gunasegaram (The Star) serta Mohd Zaini Hassan (Utusan Malaysia).

Anugerah NPC-Celcom Axiata Rookie Of The Year diberikan kepada pasukan Bernama TV ke Gaza dan Datuk V K Chin (The Star) pula dianugerahkan Pencapaian Seumur Hidup, manakala Anugerah Media Baru NPC-TM kepada Kugan Kathegesen.